



ZULKARNAIN AHMAD TALUDDIN | BERITA HARIAN

HASIL PENYELIDIKAN: Mohamed Khaled (kanan) diiringi Mohd Zulkifli (dua dari kanan) melawat pameran selepas membuat lawatan ke UTM, Skudai semalam.

BH 21/6/08 M/S 9

Tingkat kerjasama dalam R&D

JOHOR BAHRU: Industri tempatan perlu meningkatkan kerjasama menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan universiti antarabangsa untuk kekal bersaing dalam era globalisasi yang semakin mencabar ketika ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pada masa ini, ada syarikat tempatan yang menjalin usaha sama dengan tetapi bilangannya tidak pada tahap yang memuaskan.

Beliau berkata, industri seharusnya mengambil kesempatan menggunakan kepakaran universiti untuk meningkatkan mutu produk

masing-masing.

"Lebih-lebih lagi dalam era masa kini, jika tidak ada inovasi dalam produk atau perkhidmatan, tidak mungkin kita boleh berjaya dalam persaingan. Justeru pendekatan dalam R&D dengan universiti antarabangsa amat penting," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM), University of Cambridge (UC) dan Rolls Royce Plc (RR) di UTM, di sini, semalam.

Menerusi perjanjian itu, UTM dilantik Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi menerusi Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi (Might) menjalankan penyelidikan secara usaha sama bersama UC (juga Pusat Universiti Teknologi bagi Rolls Royce) dan Rolls Royce Plc, bagi menyelidik kemungkinan menjadikan penggunaan biofuel khususnya kelapa sawit sebagai bahan bakar turbin gas.

Projek bernilai RM1.6 juta (€220,163) itu akan dijalankan di UTM dan UC dalam tempoh empat tahun.

Perjanjian ditandatangani Tan Sri Prof Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali mewakili UTM, Pengarah Seranta Rolls Royce Plc, Olof Rapp sebagai wakil Rolls Royce.